

30 SEP 1999

Tabung Haji

BELANJA TUNAI HAJI TAHUN DEPAN RM8,585

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Lembaga Tabung Haji telah menyelaraskan bayaran sebanyak RM8,585 bagi semua bakal haji pada tahun depan.

Pengerusinya Tan Sri Ahmad Razali Mohamed Ali berkata bahawa pada musim haji yang lepas, kadar bayaran bagi seorang dari Semenanjung adalah RM8,131 dan tambahan RM400 bagi mereka dari Sabah dan Sarawak.

Beliau memberitahu pemberita hari ini bahawa belanja menunaikan haji tahun depan telah disubsidi oleh Tabung Haji sebanyak RM500 dan meliputi tiket penerbangan, penginapan dan makanan serta barang-barang keperluan yang akan dibekalkan oleh Tabung Haji.

Ahmad Razali berkata untuk musim haji akan datang bermula Mac tahun depan, terdapat 44,033 orang yang layak untuk menunaikan haji kerana simpanan yang cukup tetapi hanya 22,000 orang dapat pergi berdasarkan kuota yang ditetapkan.

Beliau juga berkata Tabung Haji telah bersetuju menggunakan perkhidmatan Air Asia dan syarikat penerbangan Arab Saudi.

Tabung Haji juga telah memilih sebanyak 10 syarikat pelancongan daripada 42 permohonan untuk mengendalikan bakal-bakal haji ke tanah suci, katanya.

"Mana-mana syarikat yang telah ditolak harus merayu secepat mungkin kecuali syarikat-syarikat yang ada kes dengan polis," katanya.

Ahmad Razali juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Kompleks Haji di Jeddah, dikenali Wisma Tabung Haji, berharga RM16.8 juta, pada satu tarikh yang belum ditetapkan lagi.

Kompleks itu mempunyai dua blok bangunan iaitu satu blok lima tingkat pangsapuri dan satu blok pejabat pengurusan jemaah haji.

Ahmad Razali berkata Tabung Haji telah mendapat kelulusan kabinet untuk mendirikan kompleks haji yang baru berhampiran Masjid Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Projek itu, yang menelan belanja sekitar RM70 juta hingga RM80 juta, dijangka dimulakan tidak lama lagi.

Kompleks yang akan dilengkapi sebuah hotel bagi penginapan jemaah haji dan keluarga, dijangka boleh digunakan untuk bakal-bakal haji pada tahun 2001 nanti.

Ahmad Razali juga berkata zakat perniagaan Tabung Haji tahun ini berjumlah RM19.2 juta dan akan diagih-agihkan di setiap pejabat agama negeri di seluruh negara secepat mungkin.

-- BERNAMA

MEO MAI